

## Aktiviti menarik pada Pesta Konvokesyen KUTKM ke-2

Archival News | Utusan Malaysia | 03/08/2006

MELAKA 1 Ogos - Sebanyak 12 aktiviti menarik akan diadakan sepanjang Pesta Konvokesyen Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ke-2 yang dijadualkan berlangsung selama lima hari, bermula Khamis ini.

Rektor KUTKM, Prof. Datuk Ismail Hassan berkata, antara aktiviti itu ialah karnival membeli-belah, pameran kerjaya, forum perdana hal ehwal Islam, senamrobik, persembahan artis dan persembahan Battle of the Band.

"Selain pertunjukan kebudayaan, pihak kami turut menganjurkan program untuk kanak-kanak dan remaja seperti peraduan mewarna dan melukis, permainan cyber, paintball, pameran skuter dan sukaneka," katanya kepada pemberita pada sidang akbar di sini hari ini.

Ismail menambah, pesta tersebut akan dijalankan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini.

Katanya, pesta itu akan disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob.

Beliau memberitahu, bagi program forum perdana hal ehwal Islam, para panel yang dijemput ialah Datuk Dr. Yusuf Husin, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz dan Datuk Brigadier Jeneral Jamil Khir Baharum.

(Source : Utusan Malaysia)